

Headline

Date **23. Sep 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Sukan**
Circulation **217920**
Readership **2083000**

Language **MALAY**
Page No **54**
Article Size **298 cm²**
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue



Nurul Fatiha sedia ikuti kursus jurulatih

Oleh Hasnira Hassan

SAYA tiada masalah. Andai ada rezeki, saya bersedia." Itu jawapan ringkas bekas gimnas artistik negara, Nurul Fatiha Abdul Hamid berhubung tawaran kursus kejurulatihan dan kepengadilan oleh Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF).

Baginya, pembabitan dalam setiap peluang yang ditawarkan adalah lambang kecintaan terhadap dunia gimnastik, sekali gus membuktikan tekadnya untuk terus menyumbang bakti.

Namun, dia mengakui tawaran MGF yang masih dalam peringkat cadangan itu hanya diketahui melalui media dan belum ada sebarang hitam putih sampai kepadanya setakat ini.

Sebelum ini, Setiausaha Kehormat MGF, N Shanmugarajah mencalonkan Nurul Fatiha sebagai antara individu yang bakal menyertai

kursus kepengadilan bagi Asia Tenggara sempena pengurusan undang-undang baru 'Kod Mata Persekutuan Gimnastik Antarabangsa (FIG)' yang dirancang diadakan di ibu negara, tahun depan.

Ternyata, perkhabaran itu juga menjadi kejutan buat bekas atlit berusia 22 tahun itu yang kini memenuhi jadual sehari-hari sebagai pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam jurusan Komunikasi (Penyiaran) yang dijadual mengakhiri pengajian akhir tahun depan.

Selepas mengumumkan persaraan sebaik menyumbang pingat gangsa menerusi acara senaman lantai di Sukan Sea di Korat, Thailand, Disember lalu, anak kelahiran Alor Star, Kedah itu kemudian terus bergiat aktif sekalipun sudah mengurangkan pembabitannya sebagai memenuhi syarat biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi.



NURUL Fatiha mengakui tawaran MGF yang masih dalam peringkat cadangan itu hanya diketahui melalui media dan belum ada sebarang hitam putih sampai kepadanya setakat ini.